

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : DALAM NEGERI

+

4

Utusan Malaysia  
KHAMIS • 2 MEI 2024

# Tiga kematian dikaitkan vaksin Pfizer, AstraZeneca

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Sebanyak tiga kes kematian akibat kesan advers susulan imunisasi (AEFI) atau pengambilan vaksin berkemungkinan mempunyai hubung kait dengan pengambilan vaksin Comirnaty keluaran Pfizer dan Vaxzeria AstraZeneca sejak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dilancarkan pada 24 Februari 2021.

Menurut laporan ringkas AEFI dikeluarkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), perkara itu berdasarkan laporan siasatan dibuat oleh Jawatankuasa Khas Farmakovigilans Vaksin Covid-19 (JFK) yang menilai penyiasatan bagi 589 kes laporan kematian.

Mengikut laporan itu, pecahan tiga kes kematian tersebut membatikan dua suntikan vaksin Comirnaty keluaran Pfizer manakala satu Vaxzeria AstraZeneca.

Selain itu, NPRA memaklumkan terdapat 613 laporan melibatkan kematian daripada 1,869 laporan AEFI yang serius sejak PICK.

+ Menerusi laporan sama, terdapat 1,869 kes atau tujuh per-



**DR. SAZALY ABU BAKAR**

tus daripada 26,747 laporan AEFI vaksin Covid-19 melibatkan kesan diklasifikan sebagai serius sepanjang 24 Februari 2021 sehingga 30 November 2023.

Ini bermakna kadar pelaporan AEFI serius direkodkan adalah 0.0026 peratus daripada jumlah 72 juta keseluruhan dos diberikan atau 26 laporan bagi setiap sejuta dos. Antara kesan serius kerap dilaporkan sesak nafas, sakit dada, degupan jantung tidak normal dan

tindak balas alahan serta anafilaksis.

Pakar virologi Universiti Malaysia (UM), Prof. Dr. Sazaly Abu Bakar berkata, pihak berkuasa perlu bertanggungjawab terhadap masyarakat yang alami kesan vaksin memandangkan pelalian itu diwajibkan kepada semua rakyat.

Katanya, sebelum ini orang ramai tiada pilihan untuk mengambil vaksin sekali gus menyebabkan mereka terpaksa berhadapan kesan AEFI yang serius.

"Pihak yang mewajibkan vaksin perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesan memandangkan masyarakat tiada pilihan mengambil suntikan sebelum ini walaupun mereka sudah dimaklumkan implikasi selepas menerima pelalian ini.

"Mana-mana ubat dan vaksin memang ada kesan sampingan, sebaliknya kita ada pilihan untuk mengambilnya. Jika tidak berdepan risiko, mereka boleh menolaknya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, laporan antara-bangsa melaporkan AstraZeneca mengakui buat kali pertama dalam

dokumen mahkamah bahawa vaksin Covidnya boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Gergasi farmaseutikal itu didakwa bahawa vaksinnya yang dibangunkan bersama Universiti Oxford menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam berpuluh-puluh kes.

Pendedahan itu susulan 51 kes saman dikemukakan di Mahkamah Tinggi United Kingdom (UK) dengan mangsa dan saudara mara yang bersedih menuntut ganti rugi dianggarkan bernilai sehingga £100 juta (RM598.873 juta).

Menurut Dr Sazaly, tiada dinafikan mana-mana ubat dan vaksin mempunyai kesan sampingan dengan orang ramai telah dimaklumkan berhubung perkara itu.

Beliau menambah, mereka boleh menolaknya jika enggan berdepan risiko.

"Seperti ubat batuk, kita dimaklumkan kesan seperti mengantuk jika mengambilnya. Jika tidak mahu ambil, janganlah ambil sebelum memandu. Tetapi ini adalah pilihan, mereka tidak perlu ambil jika tahu risiko," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Terpalit isu saman, penerima AstraZeneca bimbang kesan sampingan

**PETALING JAYA:** Penerima vaksin Covid-19 jenis AstraZeneca (AZ) di negara ini menzahirkan kebimbangan dengan kesan sampingan yang mungkin dihadapi seperti yang dilaporkan di Eropah.

Peniaga, Khaironi Ahmad Daud, 53, berkata, dia lebih terkilan berbanding risau kerana pengambilan vaksin merupakan arahan kerajaan tetapi mempunyai kesan yang besar terhadap kesihatan rakyat.

"Saya hanya mengikut kehendak kerajaan pada masa itu di mana setiap peniaga wajib untuk mendapatkan vaksin, jika tidak mengambilnya mungkin akan dikenakan tindakan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Tambahnya, jika ada rakyat

yang terkesan akibat pengambilan vaksin itu, kerajaan seharusnya bertanggungjawab.

Pekerja swasta, Naqib Mathadi, 24, pula berkata, dia berasa risau kerana kesan sampingan daripada pengambilan ubat-ubatan itu yang boleh membawa kepada kematian.

"Saya juga berasa antibodi semakin lemah sejak menerima vaksin," dakwanya.

Portal berita antarabangsa melaporkan, firma farmaseutikal AZ mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin mereka boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Pengakuan itu secara langsung boleh membuka jalan untuk pampasan undang-undang bernilai jutaan pound.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : RENCANA

# Cukupkah RM80 juta tubuh Pusat Jantung Negara di Sabah?



**SURAIDAH  
ROSLAN**

**“R**AMAI orang Sabah mati (meninggal dunia) termasuk saya hampir mati...saya tiga kali sumbat jantung. Itu sebabnya saya berusaha supaya jangan ada lagi rakyat Sabah (berhadapan situasi) macam saya.”

Itu kenyataan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat merangkap Exco Kesihatan Negeri, Datuk James Ratib mengenai penubuhan Pusat Jantung Negara di Sabah semasa persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) baru ini.

Ada pihak menyatakan peruntukan awal RM80 juta yang diumumkan Perdana Menteri pada 20 April lalu tidak mencukupi namun, dana tersebut sebagai langkah pertama untuk menaik taraf kemudahan bagi merawat pesakit jantung di negeri ini. Biarpun pemimpin di Sabah mengharapkan pembinaan sebuah bangunan seperti Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur namun, pemimpin di negeri ini akur dengan kekangan kewangan yang dihadapi kerajaan Persekutuan pada masa ini.

Mungkin ada yang bersorak gembira dan ada juga yang mempertikai kenapa hanya RM80 juta diperuntukkan untuk menaik taraf perkhidmatan di Jabatan Kardiologi sedia ada di Hospital Queen Elizabeth II (HQE II).

Langkah permulaan diperlukan untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada rakyat Sabah. Tanpa dana awal sebegitu sampai bila-bila pun perkhidmatan kesihatan di negeri ini di takuk yang lama. Untuk ke Kuala Lumpur mendapat rawatan di IJN bukan perkara mudah bagi rakyat yang tidak berkemampuan. Kos pengangkutan sahaja sudah mencecah ribuan ringgit apatah lagi kos rawatan.

Malah sebelum ini, bekas Pengarah HQE turut menyifatkan peruntukan RM80 juta itu tepat pada masanya untuk menggantikan



**PERUNTUKAN** awal sebanyak RM80 juta sebagai langkah pertama untuk menaik taraf kemudahan bagi merawat pesakit jantung di Sabah.

peralatan sedia ada serta menyelenggara peralatan yang semakin berusia.

Kata beliau, sudah 14 tahun HQE II mengambil alih Sabah Medical Centre (SMC) maka, sudah tiba masanya untuk kemudahan yang ada di hospital berkenaan ditambah baik.

Pandangan daripada golongan profesional yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran hospital itu amat perlu dalam menepis dakwaan pihak tertentu yang menyifatkan RM80 juta itu sekadar 'gula-gula' untuk membeli jiwa rakyat Sabah.

Ini bukan masanya untuk berdebat soal peruntukan kecil atau besar, sekarang adalah masa untuk menambah baik perkhidmatan kesihatan di Sabah.

Exco Kesihatan Negeri turut memaklumkan setiap tahun 200 orang pesakit jantung di hantar ke IJN, Kuala Lumpur bagi menjalani pembedahan dan rawatan kesihatan.

Jika bilangan yang dihantar mencecah 200 orang setiap tahun, bayangkan bilangan orang yang berada dalam senarai menunggu. Jumlahnya pasti jauh lebih besar berbanding bilangan pesakit yang perlu dihantar ke Kuala Lumpur setiap tahun.

Maka, penubuhan pusat jantung di HQE II itu mungkin



**Pembangunan IJN Sabah yang memerlukan kos sebanyak RM500 juta hingga RM1 bilion diharap dapat dimasukkan dalam belanjawan kerajaan pada masa akan datang.”**

boleh mengurangkan jumlah pesakit yang berada dalam senarai menunggu. Tambahan tiga lagi pakar kardiologi melalui peruntukan yang diberikan akan membolehkan lebih ramai pesakit menjalani pembedahan dan rawatan.

## LANGKAH AWAL

Namun, penubuhan pusat jantung itu diharap sebagai langkah awal yang akan membawa kepada pembinaan IJN Sabah suatu hari kelak.

Kawasan seluas 10 ekar yang telah disediakan oleh kerajaan negeri harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh Persekutuan dalam membangunkan sebuah IJN di negeri ini.

Pembangunan IJN Sabah yang memerlukan

kos sebanyak RM500 juta hingga RM1 bilion diharap dapat dimasukkan dalam belanjawan kerajaan pada masa akan datang.

Jangan ada lagi kisah-kisah tular yang menunjukkan rakyat Sabah meninggal dunia kerana lewat mendapatkan rawatan kesihatan.

Malaysia kini sudah berusia 61 tahun (selepas diisytiharkan pada 16 September 1963), maka, tidak harus rakyat yang berada jauh di pedalaman Sabah terpinggir daripada mendapat akses perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

Kesukaran mendapatkan perkhidmatan kesihatan sudah membelenggu rakyat di pedalaman Sabah sejak bertahun-tahun lamanya. Sudah tiba masa untuk kerajaan mendengar rintihan dan suara penduduk di pedalaman yang dahagakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

Kisah rakyat meredah laluan berlumpur dan menaiki bot berjam-jam lamanya untuk keluar ke bandar bagi mendapat rawatan kesihatan bukan perkara asing di Sabah. Kisah sebegini sering kali diceritakan oleh penduduk luar bandar dan pedalaman.

Adakah kisah-kisah sebegini tidak cukup untuk membuatkan pemimpin-pemimpin negara mengambil inisiatif untuk membantu

masyarakat yang tinggal di pedalaman Sabah?

Jangan sampai berlaku insiden kematian baharu hendak bertindak menghulurkan bantuan kepada penduduk yang berada jauh daripada fasiliti-fasiliti kesihatan.

Jika ada fasiliti kesihatan terdedak sekali pun, mereka masih berhadapan kekurangan peralatan kesihatan untuk mengesan pesakit.

Sebelum ini, pakar perubatan di Klinik Kesihatan Telupid juga menyatakan peralatan seperti spirometri untuk memeriksa paru-paru pesakit tidak disediakan di klinik-klinik kesihatan di pedalaman. Walhal peralatan itu penting bagi menilai tahap kesihatan pesakit yang menghidap asma atau penyakit seketan pulmonari kronik (COPD).

Jika peralatan asas sebegitu tidak disediakan di klinik-klinik kesihatan di pedalaman bagaimana warga kerja Kementerian Kesihatan ingin memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit mereka.

Mungkin sudah tiba masa untuk Kementerian Kesihatan mengadakan siri jelajah ke klinik-klinik kesihatan di pedalaman Sabah bagi melihat sendiri keperluan asas yang harus disediakan.